

13/02/1998

Ada pihak pindah RM23b wang ke bank luar negara

PONTIAN, Khamis - Kerajaan mengesan kegiatan golongan tertentu memindahkan kira-kira RM23 bilion wang ke bank luar negara ketika Malaysia dilanda kegawatan ekonomi sejak pertengahan tahun lalu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata sebahagian besar wang berkenaan dipindahkan oleh golongan kaya sehingga menyebabkan ekonomi negara terjejas.

Menurutnya, selain golongan berada, mereka yang berpendapatan sederhana dan kecil juga dikesan terbabit dalam perbuatan tidak bertanggungjawab itu.

"Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa kali memaklumkan kepada kita supaya melabur atau menabung di dalam negeri. Malah, seruan juga dibuat supaya wang di luar negara dibawa masuk.

"Bagaimanapun, golongan itu tidak mepedulikan seruan Perdana Menteri dan tetap menyimpan wang mereka di luar negara," katanya selepas majlis perasmian berkelompok cawangan Umno, Pemuda dan Wanita Bahagian Pontian di sini, petang ini.

(END)